

SUK.D200(06)600/9/Jld.19(18)



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI BILANGAN 2 TAHUN 2026

**PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN AWARD WANG TUNAI GANTIAN
CUTI REHAT (GCR) SEHINGGA MAKSIMUM 210 HARI KEPADA
PEGAWAI KANAN NEGERI DALAM PERKHIDMATAN AWAM NEGERI
KELANTAN**

1. TUJUAN

Pekeliling Perkhidmatan Negeri ini dikeluarkan bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan Negeri melalui Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Bilangan 3/2026 berkaitan Penambahbaikan Kemudahan Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) sehingga maksimum 210 hari kepada Pegawai Kanan Negeri dalam Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Gantian Cuti Rehat (GCR) ialah award wang tunai yang diberikan kepada pegawai yang tidak dapat menghabiskan cuti rehat atas sebab kepentingan perkhidmatan. Kemudahan ini diperuntukkan di bawah Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Pencen 1980 dan merupakan suatu faedah persaraan di bawah Akta Pencen 1980 [Akta 227].
- 2.2 Berdasarkan peraturan semasa, Gantian Cuti Rehat (GCR) yang dikumpul melebihi 180 hari tidak diambil kira bagi tujuan bayaran award wang tunai apabila pegawai bersara. Walau bagaimanapun, dalam pelaksanaan tugas, Pegawai Kanan Negeri lazimnya tidak berpeluang untuk menghabiskan cuti rehat tahunan berikutan komitmen tugas yang tinggi serta keperluan memastikan kelancaran pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan awam.
- 2.3 Sehubungan itu, Kerajaan telah bersetuju untuk menambah baik kemudahan tersebut dengan membenarkan GCR dibayar dalam bentuk award wang tunai sehingga maksimum 210 hari pada akhir perkhidmatan Pegawai Kanan berkenaan.

3. PELAKSANAAN

- 3.1 Pada tahun akhir perkhidmatan, Pegawai Kanan dibenarkan mengumpul semua baki cuti rehat yang berkecualan sehingga maksimum sama banyak dengan kadar cuti rehat semasa tertakluk kepada kelulusan YB Setiausaha Kerajaan Negeri.
- 3.2 Pegawai Kanan yang mengumpul GCR maksimum 210 hari adalah layak dibayar award wang tunai pada akhir persaraan.
- 3.3 Kemudahan ini terpakai kepada Pegawai Kanan sebagaimana berikut:
- a) Setiausaha Kerajaan Kelantan
 - b) Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
 - c) Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
 - d) Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
 - e) Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
 - f) Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan
 - g) Mufti Kerajaan Negeri Kelantan
 - h) Ketua Hakim Syariah Negeri Kelantan
 - i) Yang DiPertua Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam
 - j) Sepuluh (10) Ketua Jajahan
 - k) Pengarah Yayasan Islam Kelantan
 - l) Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan
 - m) Pengarah PLANMalaysia@Kelantan
- 3.4 Pembayaran award wang tunai Gantikan Cuti Rehat (GCR) ini hendaklah dibuat di bawah peruntukan kewangan jabatan masing-masing.

4. PENGEKALAN


Peraturan, syarat, kaedah pengumpulan, perkiraan dan prosedur permohonan GCR yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 7 Tahun 2023 Penambahbaikan Pemberian Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) hendaklah dibaca bersama dengan pekeliling ini.

5. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai **1 Mac 2026**.

Sekian, terima kasih.

**“ISLAM DIJUNJUNG, RAKYAT BERSATU, NEGERI BERKAT,
RAJA BERDAULAT”**



DATO' HAJI AZI RAHIMEE BIN MOHAMED, D.P.S.K (Kelantan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

**b.p: SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
KELANTAN**

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

Bertarikh : // Ramadan 1447H
/ Mac 2026